

'Saya tidak minta maaf'

Oleh ZAINI RABAN, HATA WAHARI
dan SUHANA ABD. MUTALIB

SHAH ALAM 1 Sept. - Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, beliau tidak meminta maaf daripada Tun Dr.

Mahathir Mohamad ketika bertemu dan memeluk bekas Perdana Menteri itu semasa sama-sama menghadiri sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 di Dataran Putrajaya, semalam.

"Tidak timbul isu meminta maaf," tegas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu, yang kelihatan cuba 'merahsiakan sesuatu' ekoran pertemuan yang mencuri perhatian umum itu.

"Kami berpeluk, itu saja. Tidak ada apa-apa, ak ada kata apa-apa, tidak ada. 'Tidak payah... kita tidak payah bercakap pun (mengenai perkara minta maaf itu)," tegasnya kepada pemberita di sini hari ini yang ingin tahu sama ada beliau ada meminta maaf kepada Dr. Mahathir ketika bertemu pada sambutan Hari Kemerdekaan di Putrajaya, semalam.

Hari ini, beberapa buah akhbar yang melaporkan mengenai pertemuan itu memetik seorang pegawai Dr. Mahathir sebagai berkata dia terdengar Rafidah memohon maaf daripada bekas Perdana Menteri itu.

Sementara itu Dr. Mahathir ketika ditemui pemberita di sim malam ini memberitahu, Rafidah tidak memohon maaf daripadanya.

Ditanya butir percakapannya dengan Rafidah, Dr. Mahathir berkata: "Dia peluk



KELMARIN.... Rafidah Aziz menangis ketika memeluk Dr. Mahathir Mohamad selepas upacara sambutan Hari Kemerdekaan Ke-48 di Putrajaya.



SEMALAM.... Rafidah Aziz ketawa ketika menjawab soalan wartawan mengenai pertemuannya dengan Dr. Mahathir Mohamad, selepas majlis penyampaian sijil ISO/TS 16949:2002 kepada Sipro Plastics Industries Sdn. Bhd. di Shah Alam.

'Saya tidak minta maaf

saya, semua Lihat dia peluk saya."

Ditanya mengapa Rafidah menangis, beliau menjawab: "Macam mana saya boleh tahu, awak patut tanya dia."

Menurut Dr. Mahathir, beliau juga tidak banyak bercakap dengan Rafidah dan hanya berkata 'ok' apabila melihat Ketua Pergerakan Wanita UMNO itu menangis.

"Bila orang menangis awak akan kata 'ok'," katanya.

Ketika ditanya apa maksud beliau menepuk belakang Rafidah, bekas Perdana Menteri itu berkata, ia adalah sebahagian daripada 'ok'.

Ditanya sama ada pertemuan itu bermakna masalah antara beliau dan Rafidah selesai, Dr. Mahathir berkata: "Saya tidak tahu, saya selalu kata ini bukan antara saya dengan menteri tetapi masalah

Proton dan Permit Import (AP).

"Sama ada dia minta maaf atau tidak, peluk atau tidak, masalahnya masih AP."

Menurut Rafidah, beliau menangis ketika bertemu Dr. Mahathir kerana berada dirinya begitu rapat dengan bekas ketuanya itu.

"Mula-mula bila saya peluk Kak Hasmah (Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali), kami berpelukan dalam masa yang agak lama.

"Dan anda tahu, ia macam itulah, bila awak rapat dengan seseorang, awak sepatutnya faham, sebab awak juga adalah manusia biasa," katanya.

Mengenai reaksi Dr. Mahathir selepas beliau memperkatakan sesuatu kepadanya, Rafidah memberitahu, bekas Perdana Menteri itu hanya berkata 'okay, okay, okay'.

"Bila kita peluk dan menangis, bagi saya itu adalah antara saya dengan dia (Dr. Mahathir), sama-sama kita peluk, bukan saya seorang sajakan," katanya.

Berjumpa

Ditanya sama ada beliau berasa lega selepas pertemuan itu, Rafidah menjawab: "Tidak ada... ia cuma macam berjumpa buat pertama kali kerana saya sebenarnya tidak bertemu lagi dengan dia (Dr. Mahathir) sebab dia tidak ada setelah berada di luar negara.

"Ini kali pertama jumpa (Dr. Mahathir), jumpa Kak Hasmah pun pertama kali," ujar beliau sambil menyatakan bahawa mereka akan berjumpa sekali lagi di Pulau Pinang pada minggu depan ke-

rana menghadiri satu majlis di sana.

Pertemuan tidak dijangka antara Rafidah dengan Dr. Mahathir yang juga penasihat Proton semalam adalah yang pertama kali selepas isu permit import (AP) kereta yang menyaksikan mereka sering mengeluarkan kenyataan berhubung kontroversi itu.

Detik itu berlaku di hadapan pentas kenamaan dan disaksikan oleh beberapa orang menteri Kabinet, ketika Dr. Mahathir dan Siti Hasmah berjalan menuju ke kereta untuk pulang selepas upacara itu.

Rafidah pada mulanya memeluk Siti Hasmah sambil bertanya khabar sebelum berjalan menghampiri Dr. Mahathir dan memeluk bekas Perdana Menteri itu yang kelihatan agak tergamam.

Meilalu, Dr. Mahathir mempersoalkan

urusan pengeluaran AP yang dianggapnya memberi kesan buruk terhadap kereta nasional, Proton, dan meminta agar senarai pemegang AP didedahkan kepada umum.

Dalam responsnya, Rafidah berkata, tindakan menyiarkan nama pemegang AP tidak pernah menjadi amalan kerajaan. Bagaimanapun, beliau menyebut nama anak lelaki Dr. Mahathir sebagai antara penerima permit itu.

Pelbagai pihak kemudian meminta Rafidah memohon maaf kepada Dr. Mahathir kerana menganggap tindakannya itu menyinggung perasaan dan tidak menghormati bekas Perdana Menteri.

Pada Perhimpunan Agung UMNO Julai lepas, Rafidah turut dikecam oleh anggota perwakilan berhubung cara beliau mengendalikan isu AP.